

PM nasihat 26 NOV 1990 kurang kempen

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Umno menasihatkan calon-calon yang bertanding merebut jawatan Naib Presiden dan ahli Majlis Tertinggi parti Jumaat ini, menghentikan kempen terutama perjumpaan dan pengedaran surat layang, bagi memastikan peristiwa pemilihan Umno 1987 tidak berulang.

Presiden Umno itu berkata, beliau sedar terlalu banyak perjumpaan dianjurkan oleh calon-calon yang bertanding, begitu juga dengan perbuatan melemparkan fitnah melalui surat layang.

Menurutnya, walaupun ingatan berkenaan pernah dinyatakan sebelum ini, masih ada kempen seumpama itu tetapi ia tidak seburuk seperti keadaan yang berlaku menjelang pemilihan Umno pada 1987.

"Saya cadang supaya (kempen) dikurangkanlah. Kalau boleh tu tak kempenlah," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun berkata, secara keseluruhannya calon-calon yang bertanding akur mengenali nasihatnya supaya mereka mengurangkan kempen-kempen buruk.

LIHAT MUKA 2

Utamakan perpaduan parti: PM

26 NOV 1990
DARI MUKA 1

"Dia endah tetapi ada sedikit sebanyak...tak macam 1987. Ada juga saya dapati buku yang lemparkan fitnah, surat layang dan terlalu banyak perjumpaan," katanya.

Bagaimanapun, apabila ditanya sama ada beliau mendedahkan kempen buruk itu dalam pertemuan tertutupnya dengan pemimpin Umno hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya tak dedahkan, cuma tegur secara umum."

Dalam pertemuan itu, katanya, beliau meminta perwakilan supaya memastikan perhimpunan dan pemilihan diadakan secara tertib, manakala kempen perlu dilakukan dengan cara yang baik.

"Pemilihan secara tertib dan kempen yang baik penting. Kalau mana-mana pihak menang, kita perlu bersatu semula rapatkan barisan. Kita nak bersa-

tu padu dan tidak berpiak kepada sesiapa.

"Kita utamakan par sama ada menang atau kalah! Sesiapapun yang menang sejas ini, kita kena sokong supaya tidak berlaku seperti 1987 dahulu," katanya.

Dengan mengulangi pendiriannya yang tidak akan menyokong atau menentang mana-mana calon yang bertanding, Datuk Seri Dr Mahathir tidak menjangka kesan buruk seperti pemilihan 1987, berlaku selepas pertandingan kali ini.

"Ahli Umno sekarang bukan orang yang mencari kepentingan diri seperti dalam pemilihan 1987. Orang itu utamakan kepentingan diri dia. Orang ini utamakan dan pentingkan Umno," katanya.

Mengenai markah bonus kepada pencalonan Presiden dan Timbalan Presiden Umno yang ditimbulkan oleh golongan ter-

tentu, beliau berkata perkataan undi bonus ini dibuat oleh musuh Umno untuk memburukkan parti berkenaan.

"Siapa saja yang dicalon akan mendapat 10 undi daripada bahagian. Sebabnya kita beri 10 undi kerana kerana wakil kadang-kadang tidak menghiraukan keputusan bahagian.

"Kita dapati pada 1987 ramai wakil yang menjual undi kepada orang tertentu. Walaupun pencalonan banyak, keputusan sebenar tidak seperti dijangka mengikut pencalonan.

"Kita tidak mahu kegiatan membeli undi perwakilan kerana mereka tidak mungkin membeli bahagian. Pencalonan bahagian sedikit sebanyak harus mempengaruhi wakilnya," kata beliau.

Ditanya sama ada benar mereka yang terpilih sebagai Naib Presiden Umno nanti menjadi pelapis menggantikan pucuk pimpinan dalam tempoh lima

tahun akan datang, Perdana Menteri berkata:

"Kalau lima tahun lagi, tiga tahun lagi kita akan adakan pemilihan. Pemilihan Umno tiga tahun sekali tetapi pilihanraya lima tahun sekali. Kalau ada yang menang kali ini, belum tentu dia akan menang tiga tahun lagi."

"Bagaimanapun, secara tidak langsung memanglah mereka barisan pelapis. Tetapi pelapis pun boleh bertukar juga, bukannya tetap," katanya.

Kepada satu soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau bersetuju dengan cadangan supaya ketua pemuda dan wanita dipilih, bukannya dilantik oleh Presiden Umno seperti sekarang.

"Saya setuju tetapi kita nak elak daripada percakaran. Ini kali pertama. Selepas itu kita boleh berbalik kepada asal, mungkin pada pemilihan akan datang," katanya.